



11 Ogos 2023
11 August 2023
P.U. (A) 238

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

KAEDAH-KAEDAH UNDANG-UNDANG KELUARGA
ISLAM (WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN)
(HAKAM) 2023

*ISLAMIC FAMILY LAW (FEDERAL TERRITORIES)
(HAKAM) RULES 2023*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 1984

KAEDAH-KAEDAH UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM
(WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) (HAKAM) 2023

SUSUNAN KAEDAH-KAEDAH

BAHAGIAN I
PERMULAAN

Kaedah

1. Nama
2. Tafsiran

BAHAGIAN II
HAKAM

3. Hakam
4. Kelayakan Hakam
5. Penamaan Hakam
6. Pelantikan Hakam
7. Penggantian Hakam
8. Pelantikan Hakam dengan kuasa penuh
9. Pembatalan pelantikan Hakam
10. Penamatan pelantikan Hakam
11. Kesan pembatalan atau penamatan pelantikan Hakam

BAHAGIAN III
FUNGSI DAN TANGGUNGJAWAB HAKAM

12. Fungsi Hakam
13. Tanggungjawab Hakam

BAHAGIAN IV
PENIMBANGTARAAN

14. Pengendalian penimbangtaraan
15. Syor oleh Hakam
16. Laporan penimbangtaraan
17. Lafaz talaq dan perceraian khul'
18. Tempoh penimbangtaraan
19. Kegagalan pihak-pihak untuk hadir penimbangtaraan
20. Pemberhentian penimbangtaraan

BAHAGIAN V
JAWATANKUASA HAKAM

21. Penubuhan Jawatankuasa Hakam
22. Keanggotaan Jawatankuasa
23. Mesyuarat Jawatankuasa
24. Fungsi Jawatankuasa
25. Pendaftaran anggota Panel Hakam
26. Daftar Anggota Panel Hakam

BAHAGIAN VI
ADUAN DAN SIASATAN TERHADAP ANGGOTA PANEL HAKAM

27. Aduan terhadap anggota Panel Hakam
28. Siasatan oleh Jawatankuasa
29. Pembatalan pendaftaran anggota Panel Hakam

BAHAGIAN VII
PELBAGAI

30. Elaun
31. Rujukan kepada Hukum Syarak

32. Sekatan

33. Perlindungan Hakam

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

AKTA UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 1984

KAEDAH-KAEDAH UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM
(WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) (HAKAM) 2023

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 48 dan perenggan 134(3)(e) dan (i) Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 [Akta 303], Yang di-Pertuan Agong, atas nasihat Majlis, membuat kaedah-kaedah yang berikut:

BAHAGIAN I
PERMULAAN

Nama

1. Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Hakam) 2023**.

Tafsiran

2. Dalam Kaedah-Kaedah ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“anggota Panel Hakam” ertinya seorang anggota Panel Hakam yang berdaftar di bawah kaedah 25;

“Daftar Anggota Panel Hakam” ertinya Daftar Anggota Panel Hakam yang disimpan dan disenggarakan di bawah kaedah 26;

“Jawatankuasa” ertinya Jawatankuasa Hakam yang ditubuhkan di bawah kaedah 21;

“Pengerusi” ertinya Pengerusi Jawatankuasa Hakam;

“penimbangtaraan” ertinya prosiding penimbangtaraan yang dikendalikan oleh Hakam yang melibatkan pihak-pihak kepada suatu perkahwinan bagi maksud perdamaian atau perceraian melalui lafaz talaq atau perceraian khul’;

“perkelahian (*shiqaq*)” ertinya perbezaan yang berlarutan dan tidak dapat didamaikan antara suami dengan isteri dalam tempoh perkahwinan termasuklah dalam tempoh permohonan pembubaran perkahwinan yang belum diputuskan oleh Mahkamah;

“pihak-pihak” ertinya suami dan isteri kepada suatu perkahwinan;

“prinsipal” ertinya suami atau isteri yang baginya seseorang Hakam dilantik untuk bertindak;

“Setiausaha” ertinya Setiausaha Jawatankuasa Hakam yang disebut dalam subkaedah 22(5).

BAHAGIAN II

HAKAM

Hakam

3. Bagi maksud pelantikan Hakam di bawah seksyen 48 Akta, Mahkamah boleh melantik orang yang berikut sebagai Hakam:

- (a) saudara karib pihak-pihak;
- (b) anggota Panel Hakam; atau
- (c) mana-mana pegawai syariah atau mana-mana orang lain yang mempunyai kepakaran dalam perkara yang berhubungan dengan undang-undang keluarga Islam yang, pada pendapat Mahkamah, sesuai untuk menjalankan fungsi Hakam.

Kelayakan Hakam

4. (1) Saudara karib pihak-pihak yang boleh dilantik sebagai Hakam hendaklah memenuhi kelayakan yang berikut:

- (a) seorang lelaki Islam yang telah mencapai umur lapan belas tahun dan sempurna akal;
- (b) seorang yang mempunyai hubungan dengan pihak-pihak itu sama ada melalui nasab, pertalian kahwin atau sesusuan yang mempunyai pengetahuan mengenai hal keadaan kes itu;
- (c) seorang yang adil dan boleh dipercayai; dan
- (d) seorang yang mempunyai pengetahuan asas dalam hal ehwal keluarga Islam dan Hukum Syarak.

(2) Orang yang disebut dalam perenggan 3(c) juga boleh dilantik sebagai Hakam sekiranya dia memenuhi kelayakan yang disebut dalam perenggan (1)(a), (c) dan (d).

Penamaan Hakam

5. (1) Bagi maksud pelantikan Hakam yang disebut dalam kaedah 3, Mahkamah hendaklah mengarahkan pihak-pihak untuk menamakan seseorang sebagai Hakam untuk bertindak bagi pihak-pihak itu masing-masing dalam masa empat belas hari dari tarikh Mahkamah menentukan bahawa perkelahian (*shiqaaq*) sentiasa berlaku antara pihak-pihak itu.

(2) Penamaan oleh pihak-pihak di bawah subkaedah (1) hendaklah memberikan keutamaan kepada saudara karib pihak-pihak itu masing-masing dan hendaklah dibuat dalam Borang 1 Jadual Pertama.

Pelantikan Hakam

6. (1) Mahkamah hendaklah, sekiranya berpuas hati dengan kelayakan orang yang dinamakan di bawah kaedah 5, melantik orang yang dinamakan itu sebagai Hakam bagi pihak-pihak itu masing-masing.

(2) Walau apa pun subkaedah (1), Mahkamah boleh melantik mana-mana orang lain yang disebut dalam perenggan 3(*b*) atau (*c*) sebagai Hakam untuk bertindak bagi mana-mana pihak jika—

(*a*) mana-mana pihak-pihak itu memaklumkan Mahkamah mengenai hasratnya untuk tidak menamakan mana-mana orang sebagai Hakam;

(*b*) mana-mana pihak-pihak itu tidak menamakan mana-mana orang sebagai Hakam dalam tempoh yang dinyatakan dalam subkaedah 5(1); atau

(*c*) pada pendapat Mahkamah, orang yang dinamakan sebagai Hakam oleh pihak-pihak itu tidak memenuhi kelayakan yang disebut dalam kaedah 4.

(3) Pelantikan Hakam di bawah subkaedah (1) dan (2) hendaklah dibuat melalui suatu perintah dalam Borang 2 Jadual Pertama.

Penggantian Hakam

7. (1) Jika Hakam yang dilantik di bawah kaedah 6 tidak mendapat persetujuan pihak-pihak bagi perdamaian atau perceraian, Mahkamah boleh membatalkan pelantikan Hakam itu melalui suatu perintah yang disebut dalam kaedah 9.

(2) Mahkamah hendaklah melantik Hakam lain dalam kalangan orang yang disebut dalam perenggan 3(*b*) atau (*c*) melalui suatu perintah di bawah subkaedah 6(3) untuk menggantikan Hakam yang dibatalkan pelantikannya di bawah subkaedah (1).

(3) Hakam yang dilantik di bawah subkaedah (2) hendaklah berusaha untuk mendapatkan kuasa penuh daripada prinsipalnya.

(4) Sekiranya prinsipal bersetuju untuk memberi kuasa penuh kepada Hakam yang dilantik di bawah subkaedah (2), pemberian kuasa penuh itu hendaklah dilafazkan oleh prinsipal dan Notis Pemberian Kuasa Penuh dalam Borang 3 atau 4 Jadual Pertama hendaklah ditandatangani, di hadapan Hakim yang di hadapannya kes itu didengar.

(5) Bagi maksud Bahagian ini, “kuasa penuh” ertinya—

(a) berhubung dengan suami, kuasa yang membenarkan Hakam yang bertindak bagi pihaknya untuk melafazkan talaq atau khul’ di hadapan Mahkamah; dan

(b) berhubung dengan isteri, kuasa yang membenarkan Hakam yang bertindak bagi pihaknya untuk menerima lafaz khul’ di hadapan Mahkamah.

Pelantikan Hakam dengan kuasa penuh

8. (1) Jika Hakam yang dilantik di bawah kaedah 7 berpendapat bahawa pihak-pihak itu patut bercerai tetapi Hakam itu tidak mendapat kuasa penuh daripada prinsipalnya, Mahkamah boleh membatalkan pelantikan Hakam itu melalui perintah yang disebut dalam kaedah 9.

(2) Mahkamah hendaklah, melalui perintah dalam Borang 5 atau Borang 6 Jadual Pertama, mengikut mana-mana yang berkenaan, melantik Hakam lain dengan kuasa penuh dalam kalangan orang yang disebut dalam perenggan 3(b) atau (c) untuk menggantikan Hakam yang dibatalkan pelantikannya di bawah subkaedah (1).

Pembatalan pelantikan Hakam

9. (1) Mahkamah boleh membatalkan pelantikan seseorang Hakam jika—
- (a) Hakam itu tidak mendapat persetujuan pihak-pihak bagi perdamaian atau perceraian;
 - (b) Hakam itu tidak mendapat kuasa penuh daripada prinsipalnya;
 - (c) Mahkamah tidak berpuas hati dengan cara Hakam itu menjalankan suatu penimbangtaraan; atau
 - (d) Hakam itu menjadi tidak sempurna akal atau selainnya tidak berupaya untuk melaksanakan kewajipannya sebagai Hakam.
- (2) Pembatalan pelantikan Hakam hendaklah melalui perintah dalam Borang 7 Jadual Pertama.

Penamatan pelantikan Hakam

10. Pelantikan seseorang Hakam tamat jika—
- (a) dia meninggal dunia; atau
 - (b) dia menarik diri atau enggan meneruskan kewajipannya sebagai Hakam melalui suatu notis dalam Borang 8 Jadual Pertama.

Kesan pembatalan atau penamatan pelantikan Hakam

11. Apabila pelantikan seseorang Hakam dibatalkan di bawah kaedah 9 atau ditamatkan di bawah kaedah 10, mengikut mana-mana yang berkenaan, Mahkamah boleh melantik Hakam lain untuk menggantikannya menurut kaedah 6, 7 atau 8, mengikut mana-mana yang berkenaan.

BAHAGIAN III FUNGSI DAN TANGGUNGJAWAB HAKAM

Fungsi Hakam

12. Seseorang Hakam hendaklah menyelesaikan perkelahian (*shiqaq*) antara pihak-pihak melalui cara perdamaian atau perceraian pihak-pihak melalui talaq atau perceraian khul'.

Tanggungjawab Hakam

13. Seseorang Hakam hendaklah bertanggungjawab untuk—

- (a) mengendalikan penimbangtaraan mengikut arahan dan kod etika yang dikeluarkan oleh Mahkamah dan menurut Hukum Syarak;
- (b) membantu pihak-pihak mencapai perdamaian;
- (c) membantu Mahkamah dalam membuat keputusan dengan memberikan syor kepada Mahkamah;
- (d) melafazkan talaq atau khul', jika dibenarkan sedemikian oleh Mahkamah; dan
- (e) bertindak secara bebas dan tidak berat sebelah.

BAHAGIAN IV PENIMBANGTARAAN

Pengendalian penimbangtaraan

14. (1) Mahkamah boleh memberi arahan kepada seseorang Hakam mengenai pengendalian suatu penimbangtaraan dan Hakam hendaklah mengendalikan penimbangtaraan itu mengikut arahan dan kod etika yang dikeluarkan oleh Mahkamah dan menurut Hukum Syarak.

(2) Suatu penimbangtaraan boleh diadakan di premis Mahkamah atau di mana-mana tempat lain yang ditentukan oleh Hakam sebagaimana yang difikirkannya sesuai.

Syor oleh Hakam

15. (1) Dalam mengendalikan penimbangtaraan di bawah Kaedah-Kaedah ini, jika kedua-dua Hakam berpuas hati bahawa—

(a) pihak-pihak itu bersetuju untuk mencapai perdamaian, Hakam hendaklah mengesyorkan supaya pihak-pihak itu berdamai; atau

(b) pihak-pihak itu tidak mencapai perdamaian, Hakam hendaklah menentukan pihak yang menyebabkan perkelahian (*shiqaaq*) itu dan subkaedah (2) atau (3) hendaklah terpakai, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(2) Hakam hendaklah mengesyorkan perceraian melalui talaq jika—

(a) Hakam berpuas hati bahawa perkelahian (*shiqaaq*) disebabkan oleh suami atau kedua-dua pihak; atau

(b) Hakam tidak dapat menentukan pihak yang menyebabkan perkelahian (*shiqaaq*) dan permohonan perceraian itu dibuat oleh suami.

(3) Hakam hendaklah mengesyorkan perceraian khul' dan kadar bayaran tebus talaq jika—

(a) Hakam berpuas hati bahawa perkelahian (*shiqaaq*) disebabkan oleh isteri; atau

- (b) Hakam tidak dapat menentukan pihak yang menyebabkan perkelahian (*shiqaaq*) dan permohonan perceraian itu dibuat oleh isteri.

Laporan penimbangtaraan

16. Apabila selesai suatu penimbangtaraan, kedua-dua Hakam hendaklah, secara bersesama, menyediakan laporan penimbangtaraan dalam Borang 9 Jadual Pertama yang mengandungi syor yang disebut dalam kaedah 15 dan hendaklah mengemukakan laporan itu kepada Mahkamah.

Lafaz talaq dan perceraian khul'

17. (1) Jika Mahkamah bersetuju dengan syor Hakam bagi pembubaran perkahwinan melalui talaq, talaq itu hendaklah dilafazkan oleh Hakam yang bertindak bagi pihak suami di hadapan Mahkamah.

(2) Jika Mahkamah bersetuju dengan syor Hakam bagi pembubaran perkahwinan melalui perceraian khul' dan bayaran tebus talaq telah dibuat oleh isteri, Hakam yang bertindak bagi pihak suami hendaklah melafazkan perceraian khul' dan Hakam yang bertindak bagi pihak isteri hendaklah melafazkan penerimaan khul' itu, di hadapan Mahkamah.

(3) Bagi maksud subkaedah (1) dan (2), lafaz talaq dan perceraian khul' adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kedua.

(4) Perceraian melalui talaq di bawah subkaedah (1) dan perceraian khul' di bawah subkaedah (2) merupakan talaq *ba-in sughra* atau perceraian yang tidak boleh diruju'kan.

Tempoh penimbangtaraan

18. (1) Pengendalian penimbangtaraan hendaklah diselesaikan dalam masa tiga puluh hari daripada tarikh pelantikan Hakam.

(2) Mahkamah boleh melanjutkan tempoh yang dinyatakan dalam subkaedah (1) bagi suatu tempoh selanjutnya yang tidak melebihi tiga puluh hari.

Kegagalan pihak-pihak menghadiri penimbangtaraan

19. Jika mana-mana pihak tidak menghadiri penimbangtaraan, Hakam boleh meneruskan penimbangtaraan itu dan membuat apa-apa dapatan berhubung dengan penimbangtaraan itu.

Pemberhentian penimbangtaraan

20. Suatu penimbangtaraan hendaklah terhenti—

- (a) jika mana-mana pihak yang tertakluk kepada penimbangtaraan itu meninggal dunia atau didapati tidak sempurna akal;
- (b) jika kedua-dua pihak yang tertakluk kepada penimbangtaraan itu bersetuju untuk berdamai;
- (c) jika suami telah melafazkan talaq; atau
- (d) atas apa-apa sebab lain yang difikirkan patut oleh Mahkamah.

BAHAGIAN V

JAWATANKUASA HAKAM

Penubuhan Jawatankuasa Hakam

21. Majlis hendaklah menubuhkan suatu jawatankuasa yang dikenali sebagai Jawatankuasa Hakam.

Keanggotaan Jawatankuasa

22. (1) Jawatankuasa hendaklah terdiri daripada anggota yang berikut:

- (a) Ketua Hakim Syarie, sebagai Pengerusi;

- (b) seorang Hakim Mahkamah Tinggi Syariah, sebagai Timbalan Pengerusi;
- (c) Peguam Negara atau wakilnya;
- (d) seorang wakil Majlis;
- (e) seorang Hakim Mahkamah Rendah Syariah;
- (f) Ketua Pendaftar Mahkamah Rayuan Syariah atau wakilnya; dan
- (g) tiga orang anggota lain yang mempunyai kepakaran dalam Hukum Syarak.

(2) Anggota Jawatankuasa yang disebut dalam perenggan (1)(b), (e) dan (g) hendaklah dilantik oleh Ketua Hakim Syarie.

(3) Anggota Jawatankuasa yang disebut dalam perenggan (1)(g)—

- (a) hendaklah memegang jawatannya selama tempoh dua tahun dan boleh dilantik semula; dan
- (b) boleh, pada bila-bila masa, meletakkan jawatan dengan memberi notis secara bertulis kepada Pengerusi.

(4) Ketua Hakim Syarie boleh, pada bila-bila masa, menggantikan mana-mana anggota yang disebut dalam perenggan (1)(b), (e) dan (g).

(5) Ketua Pendaftar Mahkamah Rayuan Syariah hendaklah menjadi Setiausaha.

Mesyuarat Jawatankuasa

23. (1) Pengerusi hendaklah menguruskan semua mesyuarat Jawatankuasa dan jika Pengerusi tidak hadir, Timbalan Pengerusi hendaklah menguruskan mesyuarat itu.

(2) Lima orang anggota Jawatankuasa hendaklah membentuk kuorum mesyuarat.

(3) Keputusan dalam mesyuarat Jawatankuasa hendaklah dibuat secara sebulat suara atau mengikut majoriti anggota yang hadir.

(4) Jika atas apa-apa ketetapan terdapat persamaan undi, Pengerusi hendaklah mempunyai undi pemutus.

(5) Jawatankuasa boleh menentukan tatacaranya sendiri.

Fungsi Jawatankuasa

24. (1) Jawatankuasa hendaklah mempunyai fungsi yang berikut:

(a) untuk mendaftarkan mana-mana orang yang layak sebagai anggota Panel Hakim;

(b) untuk menyiasat apa-apa aduan yang berhubungan dengan kelakuan mana-mana anggota Panel Hakim;

(c) untuk mengawal selia dan menjalankan kawalan tatatertib terhadap anggota Panel Hakim;

(d) untuk menentukan apa-apa latihan yang perlu bagi anggota Panel Hakim;

(e) untuk menubuhkan apa-apa jawatankuasa kecil bagi maksud membantu Jawatankuasa dalam pelaksanaan fungsinya; dan

(f) untuk menjalankan apa-apa fungsi lain sebagaimana yang difikirkan perlu oleh Jawatankuasa bagi maksud melaksanakan Kaedah-Kaedah ini.

(2) Mana-mana anggota Panel Hakam boleh memohon kepada Jawatankuasa supaya namanya dikeluarkan daripada Daftar Anggota Panel Hakam.

(3) Jawatankuasa boleh, atas apa-apa alasan yang munasabah, mengeluarkan nama mana-mana anggota Panel Hakam daripada Daftar Anggota Panel Hakam.

Pendaftaran anggota Panel Hakam

25. (1) Jawatankuasa boleh mendaftarkan mana-mana orang sebagai anggota Panel Hakam jika dia memenuhi syarat yang berikut:

- (a) seorang lelaki Islam;
- (b) seorang warganegara Malaysia;
- (c) sempurna akal;
- (d) bukan seorang bankrap;
- (e) tidak pernah disabitkan atas apa-apa kesalahan jenayah termasuk kesalahan jenayah syariah di Malaysia atau di mana-mana negara lain;
- (f) mempunyai kepakaran dalam perkara yang berhubungan dengan undang-undang keluarga Islam atau memiliki kelayakan akademik yang bersesuaian sekurang-kurangnya di peringkat Diploma atau yang setara dengannya atau kelayakan yang lebih tinggi daripada mana-mana institusi pengajian tinggi yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia; dan

(g) telah lulus apa-apa penilaian yang ditentukan oleh Jawatankuasa.

(2) Pendaftaran seseorang anggota Panel Hakam hendaklah bagi suatu tempoh yang tidak melebihi tiga tahun dan anggota Panel Hakam yang tempoh keanggotaannya telah habis tempoh boleh didaftarkan semula bagi suatu tempoh tidak melebihi tiga tahun.

Daftar Anggota Panel Hakam

26. Setiausaha hendaklah menyimpan dan menyenggara suatu daftar yang mengandungi butir-butir yang berkaitan bagi anggota Panel Hakam yang didaftarkan di bawah Kaedah-Kaedah ini, dan daftar sedemikian hendaklah dikenali sebagai "Daftar Anggota Panel Hakam".

BAHAGIAN VI

ADUAN DAN SIASATAN TERHADAP ANGGOTA PANEL HAKAM

Aduan terhadap anggota Panel Hakam

27. (1) Apa-apa aduan yang berhubungan dengan salah laku mana-mana anggota Panel Hakam hendaklah dibuat secara bertulis dan dialamatkan kepada Pengerusi.

(2) Tiada apa-apa jua dalam Kaedah-Kaedah ini boleh dikira menghalang Jawatankuasa daripada membuat apa-apa aduan atas usulnya sendiri kepada Pengerusi terhadap mana-mana anggota Panel Hakam.

Siasatan oleh Jawatankuasa

28. (1) Apabila aduan yang disebut dalam kaedah 27 diterima, Jawatankuasa hendaklah mengeluarkan suatu notis kepada anggota Panel Hakam yang ke atasnya aduan itu dibuat menghendaki anggota Panel Hakam itu untuk memberikan penjelasan berhubung dengan aduan itu.

(2) Anggota Panel Hakam yang atasnya aduan itu dibuat hendaklah, dalam masa empat belas hari dari tarikh notis itu diterima, mengemukakan penjelasan secara bertulis kepada Jawatankuasa.

(3) Jawatankuasa hendaklah, selepas menerima penjelasan yang disebut dalam subkaedah (2), menjalankan siasatan berhubung dengan aduan di bawah subkaedah 27(1) dalam tempoh masa yang munasabah.

(4) Jika, selepas mempertimbangkan fakta dan keterangan yang berkaitan berhubung dengan aduan itu dan penjelasan anggota Panel Hakam itu, jika ada, Jawatankuasa berpuas hati bahawa terdapat merit yang mencukupi bagi aduan itu, Jawatankuasa hendaklah membatalkan pendaftaran anggota Panel Hakam itu dan mengeluarkan namanya daripada Daftar Anggota Panel Hakam.

(5) Notis yang disebut dalam subkaedah (1) hendaklah disampaikan kepada anggota Panel Hakam itu—

- (a) secara ke diri;
- (b) dengan pos berdaftar atau dengan meninggalkan suatu salinan notis itu di alamat terakhir anggota Panel Hakam itu yang diketahui; atau
- (c) dengan menghantar notis itu ke alamat elektronik terakhir anggota Panel Hakam itu yang diketahui melalui cara elektronik.

(6) Apa-apa notis yang dihantar melalui cara elektronik di bawah perenggan 5(c) hendaklah disifatkan telah disampaikan dan diserahkan kepada anggota Panel Hakam itu pada tarikh notis itu dihantar ke alamat elektronik terakhir anggota Panel Hakam itu yang diketahui.

Pembatalan pendaftaran anggota Panel Hakam

29. Jawatankuasa boleh membatalkan pendaftaran mana-mana anggota Panel Hakam dan mengeluarkan nama anggota itu daripada Daftar Anggota Panel Hakam jika anggota Panel Hakam itu—

- (a) berkelakuan, sama ada yang berkaitan dengan kewajipannya sebagai anggota Panel Hakam atau selainnya, dengan sedemikian cara yang boleh

memburukkan imejnya sebagai anggota Panel Hakim;

- (b) tidak berupaya menjalankan kewajipan Hakim;
- (c) telah tidak hadir tiga prosiding penimbangtaraan berturut-turut tanpa alasan yang munasabah;
- (d) bertindak bertentangan dengan mana-mana undang-undang bertulis; atau
- (e) seorang bankrap.

BAHAGIAN VII

PELBAGAI

Elaun

30. (1) Anggota Jawatankuasa dan anggota apa-apa jawatankuasa kecil yang ditubuhkan oleh Jawatankuasa hendaklah dibayar apa-apa elaun sebagaimana yang ditentukan oleh Majlis.

(2) Hakim yang dilantik oleh Mahkamah, selain Hakim yang dinamakan oleh pihak-pihak, hendaklah dibayar apa-apa elaun sebagaimana yang ditentukan oleh Majlis.

Rujukan kepada Hukum Syarak

31. (1) Mana-mana peruntukan di bawah Kaedah-Kaedah ini yang tidak selaras dengan Hukum Syarak hendaklah terbatal setakat ketidakselarasan itu.

(2) Sekiranya terdapat lakuna atau jika apa-apa perkara tidak diperuntukkan dengan nyata dalam Kaedah-Kaedah ini, Mahkamah hendaklah mengguna pakai Hukum Syarak.

Sekatan

32. Mana-mana Peguam Syarie yang bertindak sebagai Hakim bagi pihak seseorang suami atau isteri dalam suatu penimbangtaraan tidak boleh mewakili pihak suami atau isteri itu dalam mana-mana prosiding lain di hadapan mana-mana Mahkamah.

Perlindungan Hakam

33. Tiada prosiding boleh dimulakan terhadap mana-mana Hakam bagi apa-apa tindakan yang dilakukan dengan suci hati dalam mana-mana penimbangtaraan di bawah Kaedah-Kaedah ini.

JADUAL PERTAMA

[Kaedah 16, subkaedah 5(2), 6(3), 7(2), 7(4), 8(2) dan 9(2), dan perenggan 10(b)]

AKTA UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 1984

KAEDAH-KAEDAH UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM
(WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) (HAKAM) 2023

BORANG 1

[Subkaedah 5(2)]

PENAMAAN HAKAM

BAHAWASANYA SAYA.....(*nama *suami/isteri*),
No. Kad Pengenalan: dengan ini menamakan
..... (*nama Hakam*), No. Kad Pengenalan:
sebagai Hakam untuk bertindak bagi pihak saya dalam Saman No.:
dalam Mahkamah

Bertarikh
.....
**Suami/Isteri*

Saya, (*nama Hakam*), No. Kad Pengenalan:
dengan ini bersetuju dengan penamaan di atas.

Bertarikh
.....
Hakam

Nota:
**Potong mana-mana yang tidak berkenaan*

AKTA UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 1984

KAEDAH-KAEDAH UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM
(WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) (HAKAM) 2023

BORANG 2

[Subkaedah 6(3) dan 7(2)]

PERINTAH PELANTIKAN HAKAM

DENGAN INI DIPERINTAHKAN BAHAWA,
(*Nama, No. Kad Pengenalan Hakam suami*) dilantik sebagai Hakam bagi
..... (*Nama, No. Kad Pengenalan suami*) dan
..... (*Nama, No. Kad Pengenalan Hakam isteri*)
dilantik sebagai Hakam bagi
(*Nama, No. Kad Pengenalan isteri*).

Perintah ini dikeluarkan pada (*tarikh*) dan hendaklah berkuat
kuasa mulai (*tarikh*).

Bertarikh

(Meterai)

.....
Hakim

AKTA UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 1984

KAEDAH-KAEDAH UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM
(WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) (HAKAM) 2023

BORANG 3

[Subkaedah 7(4)]

NOTIS PEMBERIAN KUASA PENUH OLEH SUAMI

Saya (*nama suami*), No. Kad Pengenalan:.....
dengan ini memberi kuasa kepada(*nama Hakam*),
No. Kad Pengenalan: untuk bertindak sebagai Hakam bagi pihak
saya dalam No. Saman: dengan kuasa penuh untuk melafazkan satu
talaq atau khul' kepada isteri saya (*nama isteri*),
No. Kad Pengenalan: di hadapan Mahkamah mulai
..... (*tarikh*).

Bertarikh
.....
Suami

Saya (*nama Hakam*),
No. Kad Pengenalan: dengan ini menerima pemberian kuasa
oleh suami yang tersebut di atas dengan kuasa penuh.

Bertarikh
.....
Hakam

Di hadapan saya,

(Meterai)

.....
Hakim

AKTA UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 1984

KAEDAH-KAEDAH UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM
(WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) (HAKAM) 2023

BORANG 4

[Subkaedah 7(4)]

NOTIS PEMBERIAN KUASA PENUH OLEH ISTERI

Saya (*nama isteri*),
No. Kad Pengenalan: dengan ini memberi kuasa kepada
..... (*nama Hakam*), No. Kad Pengenalan:
untuk bertindak sebagai Hakam bagi pihak saya dalam No. Saman:
dengan kuasa penuh untuk menerima lafaz khul' daripada Hakam suami saya
..... (*nama Hakam suami*),
No. Kad Pengenalan (*Hakam suami*): di hadapan Mahkamah
..... mulai (*tarikh*).

Bertarikh
.....
Isteri

Saya (*nama Hakam*), No. Kad Pengenalan:
..... dengan ini menerima pemberian kuasa oleh isteri yang
tersebut di atas dengan kuasa penuh.

Bertarikh
.....
Hakam

Di hadapan saya,

(Meterai)

.....
Hakim

AKTA UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 1984

KAEDAH-KAEDAH UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM
(WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) (HAKAM) 2023

BORANG 5

[Subkaedah 8(2)]

PERINTAH PELANTIKAN HAKAM SUAMI DENGAN KUASA PENUH

DENGAN INI DIPERINTAHKAN BAHAWA,
(*Nama, No. Kad Pengenalan Hakam suami*) dilantik sebagai Hakam bagi
..... (*Nama, No. Kad Pengenalan suami*)
dalam Saman No.: dalam Mahkamah
dengan kuasa penuh untuk melafazkan talaq atau khul' di hadapan Mahkamah.

Perintah ini dikeluarkan pada (*tarikh*) dan hendaklah berkuat
kuasa mulai (*tarikh*).

Bertarikh

(Meterai)

.....
Hakim

AKTA UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 1984

KAEDAH-KAEDAH UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM
(WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) (HAKAM) 2023

BORANG 6

[Subkaedah 8(2)]

PERINTAH PELANTIKAN HAKAM ISTERI DENGAN KUASA PENUH

DENGAN INI DIPERINTAHKAN BAHAWA,
(*Nama, No. Kad Pengenalan Hakam isteri*) dilantik sebagai Hakam bagi
..... (*Nama, No. Kad Pengenalan isteri*)
dalam Saman No.: dalam Mahkamah
dengan kuasa penuh untuk menerima lafaz khul' di hadapan Mahkamah.

Perintah ini dikeluarkan pada (*tarikh*) dan hendaklah
berkuat kuasa mulai (*tarikh*).

Bertarikh

(Meterai)

.....
Hakim

AKTA UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 1984

KAEDAH-KAEDAH UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM
(WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) (HAKAM) 2023

BORANG 7

[Subkaedah 9(2)]

PERINTAH PEMBATALAN PELANTIKAN HAKAM

DENGAN INI DIPERINTAHKAN BAHAWA, pelantikan
(*Nama, No. Kad Pengenalan Hakam *suami/isteri*) sebagai Hakam bagi pihak
..... (*Nama, No. Kad Pengenalan *suami/isteri*)
dalam Saman No.: dalam Mahkamah
dibatalkan.

Perintah ini dikeluarkan pada (*tarikh*) dan hendaklah berkuat
kuasa mulai (*tarikh*).

Bertarikh

(Meterai)

.....
Hakim

Nota:

**Potong mana-mana yang tidak berkenaan*

AKTA UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 1984

KAEDAH-KAEDAH UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM
(WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) (HAKAM) 2023

BORANG 8

[Perenggan 10(b)]

NOTIS PENARIKAN DIRI SEBAGAI HAKAM

Kepada:

Hakim,

DALAM NO. SAMAN:

DALAM MAHKAMAH DI

DENGAN INI DIMAKLUMKAN BAHAWA SAYA (*nama Hakam*),

No. Kad Pengenalan.....menarik diri daripada menjadi Hakam yang
mewakili (*nama *suami/isteri*),

No. Kad Pengenalan: berkuat kuasa mulai (*tarikh*).

Bertarikh

.....
**Hakam suami/Hakam isteri*

Nota:

**Potong mana-mana yang tidak berkenaan*

AKTA UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 1984

KAEDAH-KAEDAH UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM
(WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) (HAKAM) 2023

BORANG 9

[Kaedah 16]

LAPORAN PENIMBANGTARAAN

BAHAWASANYA KAMI (*nama Hakam suami*),
No. Kad Pengenalan: dan (*nama Hakam isteri*),
No. Kad Pengenalan pada akhir penimbangtaraan yang dikendalikan pada
..... (*tarikh*) di dengan ini melaporkan kepada
Mahkamah seperti yang berikut:

- (a)
- (b)
- (c)
- (d)

(2) Kami—

- (a) *telah mencapai persetujuan/tidak dapat mencapai apa-apa persetujuan, dalam penimbangtaraan;
- (b) berpendapat bahawa punca shiqaq ialah *suami/isteri/kedua-dua suami dan isteri/tidak dapat ditentukan;

(c) berpendapat bahawa suami dan isteri patut *mencapai perdamaian/bercerai secara *talaq/khul'.

(d) berpendapat bahawa jumlah tebus talaq bagi perceraian khul' ini ialah RM berdasarkan siasatan berkaitan kemampuan pasangan ini.

Bertarikh

.....
Hakam suami

.....
Hakam isteri

Nota:
**Potong mana-mana yang tidak berkenaan*

JADUAL KEDUA
[Subkaedah 17(3)]

LAFAZ TALAQ DAN PENCERAIAN *KHUL'*

Bil.	Kategori	Lafaz
1.	Lafaz talaq jika Hakam suami memperoleh kuasa penuh daripada suami	<p>Lafaz oleh Hakam suami:</p> <p>“Saya, dengan kuasa penuh yang diberikan oleh (<i>nama suami</i>), menceraikan (<i>nama isteri</i>) dengan talaq satu.”.</p>
2.	Lafaz talaq jika Hakam suami telah diberikan kuasa oleh Mahkamah untuk memerintahkan perceraian	<p>Lafaz oleh Hakam suami:</p> <p>“Saya, dengan kuasa yang diberikan oleh Mahkamah untuk memerintahkan perceraian bagi pihak suami (<i>nama suami</i>), menceraikan (<i>nama isteri</i>) dengan talaq satu.”.</p>
3.	Lafaz perceraian khul' jika Hakam suami memperoleh kuasa penuh daripada suami	<p>(a) Lafaz oleh Hakam suami:</p> <p>“Saya, dengan kuasa penuh yang diberikan oleh (<i>nama suami</i>), menceraikan (<i>nama isteri</i>) dengan khul' dengan tebus talaq sebanyak Ringgit Malaysia (<i>amaun</i>) atau (<i>harta lain atau manfaat yang bernilai</i>).”.</p> <p>(b) Lafaz oleh Hakam isteri:</p> <p>“Saya, sebagai Hakam bagi pihak (<i>nama isteri</i>) menerima khul' dengan tebus talaq sebanyak Ringgit Malaysia (<i>jumlah</i>) atau (<i>harta lain atau manfaat yang bernilai</i>) yang tersebut.”.</p>

4.	Lafaz penceraian khul' apabila Hakam bagi suami telah diberikan kuasa oleh Mahkamah untuk memerintahkan perceraian	<p>(a) Lafaz oleh Hakam bagi suami:</p> <p>“Saya, dengan kuasa yang telah diberikan oleh Mahkamah untuk memerintahkan perceraian bagi pihak suami <i>(nama suami)</i>, menceraikan <i>(nama isteri)</i> dengan khul' dengan tebus talaq sebanyak Ringgit Malaysia <i>(amaun)</i> atau <i>(harta lain atau manfaat yang bernilai)</i>.”.</p> <p>(b) Lafaz oleh Hakam isteri:</p> <p>“Saya, sebagai Hakam bagi pihak <i>(nama isteri)</i> menerima khul' dengan tebus talaq sebanyak Ringgit Malaysia <i>(amaun)</i> atau <i>(harta lain atau manfaat yang bernilai)</i>.”.</p>
----	--	--

Dibuat 14 Julai 2023
[MSWP. 100-1/5/19 (101); PN(PU2)442/IV]

Dengan Titah Perintah

TAN SRI DATO' SERI MOHD ZUKI BIN ALI
Setiausaha Jemaah Menteri

ISLAMIC FAMILY LAW (FEDERAL TERRITORIES) ACT 1984

ISLAMIC FAMILY LAW (FEDERAL TERRITORIES) (*HAKAM*) RULES 2023

ARRANGEMENT OF RULES

PART I

PRELIMINARY

Rule

1. Citation
2. Interpretation

PART II

HAKAM

3. *Hakam*
4. Qualifications of *Hakam*
5. Nomination of *Hakam*
6. Appointment of *Hakam*
7. Substitution of *Hakam*
8. Appointment of *Hakam* with full authority
9. Revocation of appointment of *Hakam*
10. Termination of appointment of *Hakam*
11. Consequence of revocation or termination of appointment of *Hakam*

PART III

FUNCTION AND RESPONSIBILITIES OF *HAKAM*

12. Function of *Hakam*
13. Responsibilities of *Hakam*

PART IV
ARBITRATION

14. Conduct of arbitration
15. Recommendation by *Hakam*
16. Report of arbitration
17. Pronouncement of *talaq* and *khul'* divorce
18. Duration of arbitration
19. Failure of parties to attend arbitration
20. Cessation of arbitration

PART V
HAKAM COMMITTEE

21. Establishment of *Hakam* Committee
22. Membership of Committee
23. Meeting of Committee
24. Functions of Committee
25. Registration of members of *Hakam* Panel
26. Register of Members of *Hakam* Panel

PART VI
